

0469

R 0810 DES

PARLIHEN - PROTON 1984

KUALA LUMPUR, 24 OKT. (BERNAMA) -- KERAJAAN MUNGKIN TERPAKSA MEMBERI SUBSIDIBAGI KERETA MALAYSIA YANG DIEKSPORT SUPAYA DAPAT BERSAINGAN DI PASARAN LUAR NEGERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI.

PERKARAINI MEHANGNYA DIAMALKAN OLEH SEBILANGAN BESAR NEGARA DALAH USAHA UNTUK HENDAPKAN TUKARAN WANG ASING, KATA PERDANA MENTERI.

MENJAWAB SOALAN WAN NAJIB WAN MOHAHAD (BN-PASIRPUTIH), BELIAU BERKATA HEMANDANCKAN HARGA KERETA DI JEPUN ADALAH MURAH, TIDAK MUNGKIN MOTOKAR MALAYSIA DAPAT MEMASUKIPASARAN HEREKA.

MENJAWAB SOALAN ENCIK DAUD HAJI TAHA (BN- BATU PAHAT) BELIAU BERKATA KERETA PERTAMA MALAYSIA AKAN KELUARMENJELANG JULAI 1385.

TAHUN DEPAN 8,000 BUAH KERETA SAHAJA AKAN DIKELUARKAN, 209000 UNIT PADA TAHUN BERIKUTNYA DAN SETERUSNYA 50,000 UNIT SETAHUN.

MENJAWAB SOALAN ASAL ENCIK LEE LAM THYE (DAP - KUALA LUMPUR

BANDAR), BELIAU BERKATA PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL (PROTON) HEMPEROLEHI PINJAMAN SEJUMLAH \$340 JUTA UNTUK MEMBIAYAI PROJEK KERETA MALAYSIA ITU.

PINJAMAN TERSEBUT TERMASUK DARIPADA MITSUBISHI, MOTORS CORPORATION DAN MITSUBISHI CORPORATION (\$120 JUTA), DIAMOND LEASE LTD DAN MITSUBSHI TRUST DAN BANKING CORPORATION (\$120 JUTA) DAN PINJAMAN SINDIKET YANG DIRURUSKAN BERSAMA OLEH BANK BUHIPUTRA DAN BANK TOKYO (\$100 JUTA), KATA PERDANA MENTERI.

MENGENAI LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL UNTUK MEMPASTIKAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI BERJALAN LANCAR, PERDANA MENTERI BERKATA SATU PROGRAM LATIHAN INTENSIF BERBENTUK TEORI DAN LATIHAN PRAKTIK DALAM KILANG DILAKSANAKAN BAGI MEMBOLEHKAN KAKITANGAN PROTON MENGAMBIL ALIH SEPENUHNYA TANGGUNGJAWAB HEHBUAT KERETA ITU DALAH MASA DUA TAHUN.

PERANCANGAN RAPI SEDANG DIATUR UNTUK MENGENALPASTI BIDANG-BIDANG YANG PERLU DIAMBIL-ALIH SEPENUHNYA OLEH PROTON, KATANYA.

JAWATANKUASA PEHINDAHAN TEKNOLOGI YANG DITUBUHKAN DI BAWAH JABATAN PERDANA MENTERI SENTIASA MENILITI DAN MENGAWASI PROGRAM-PROGRAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI AGAR BERJALAN DENGAN LANCAR KHUSUSNYA PROJEK KERETA NASIONAL ITU.

KERAJAAN JUGA SEDANG MEMBUAT PERANCANGAN UNTUK MENGADAKAN PENGAJIAN DALAM BIDANG KEJURUTERAAN AUTOMOTAIF DI INSTITUSI- INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI NEGARA INI, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN HELALUI SIRIM TELAH MENUBUHKAN SEBUAH JAWATANKUASA KHAS BAGI MENELITI BAHAWA ALAT-ALAT GANTIAN KELUARAN TEMPATAN MENEPATI PIAWAIAN YANG DITETAPKAN.

LANGKAH TERSEBUT IALAH SEBAHAGIAN DARIPADA USAHA MEMPASTIKAN ALAT- ALATAN GANTIAN KELUARAN TEMPATAN YANG DIGUNAKAN UNTUK KERETA MALAYSIA MENCAPAI MUTU DAN STANDARD DARISEGI KEUPAYAAN DAN KESELAMATAN.

PROTON SENDIRI AKAN MENGUJI SETIAP ALAT YANG DIKELUARKAN OLEH PENGUSAHA TEMPATAN MENURUT SPESIFIKASI YANG DITETAPKAN.

SYARIKAT ITU AKAN MENINGKATKAN KEMAHPUAN TEKNOLOGI PENGELUARAN DAN PENGGUNAAN ALAT-ALAT TEMPATAN MELALUI PERANCANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNANNYA.

PARA PENGUSAHA TEMPATAN JUGA AKAN MEMPEROLEHI TEKNOLOGI BARU HENGENAI PENGELUARAN KOHPONEN TEMPATAN DARIPADA RAKAN-RAKAN USAHASAMA BAGI MENINGKATKAN LAGI MUTU ALAT-ALAT GANTIAN YANG DIHASILKAN. --

BERNAMA